

Mesyuarat Agung Tahunan

Koperasi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
Berhad

18 November 2019

1030 pagi

Dewan Auditorium, Ibu Pejabat SPRM

2019

KANDUNGAN

<u>NO.</u>	<u>PERKARA</u>	<u>M/SURAT</u>
1	Kata Aluan Pengerusi	3
2	Agenda Mesyuarat Agung Tahunan	4
3	Laporan Tahunan KOSPERA 2018	5
4	Laporan Tahunan Jawatankuasa Audit Dalaman	8
5	Penyata Kewangan Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Dis 2018	9
6	Laporan Berkanun Ahli Lembaga	14
7	Cadangan Aturan-Aturan	15
8	Pindaan Undang-Undang Kecil	33
9	Pelantikan Ahli Lembaga baru	34
10	Pelantikan Juruaudit Luar	35
11	Pelantikan Jawatankuasa Menentusahkan Minit	36
12	Anggaran Perbelanjaan 2019	37

**KATA ALUAN PENERUS
KOPERASI SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA**

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Salam Sejahtera.

Semua Anggota Kospera yang dihormati,

Marilah sama-sama kita panjatkan kesyukuran kehadiran Allah SWT kerana dengan izin dan inayahNya dapat kita bersama-sama berkumpul di dalam Mesyuarat Agung Kospera yang diadakan julung-julung kalinya.

Saya ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Lembaga yang telah berusaha sedaya upaya menggalas tanggungjawab mentadbir dan mengurus Kospera dengan sebaik mungkin. Walaupun bertindih dengan tugas dan tanggungjawab hakiki masing-masing, mereka masih mampu memberikan komitmen terhadap Kospera. Namun, kerja keras perlu diteruskan untuk memastikan Kospera lebih berdaya maju.


Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih di atas sokongan dan bantuan yang diberikan oleh Pengurusan Tertinggi SPRM sehingga tertubuhnya Kospera pada 14 Jun 2017.

Kepada semua Anggota yang telah mendaftar, terima kasih di atas sokongan anda. Sehingga Disember 2018, hampir 130 orang pegawai dan kakitangan telah menjadi Anggota berdaftar Kospera. Bagi saya bilangan ini masih kecil jika dibandingkan dengan jumlah keseluruhan kakitangan dan pegawai SPRM. Walaubagaimanapun, saya masih optimis keanggotaan Kospera akan bertambah dari semasa ke semasa. Kospera ditubuh berasaskan konsep 'koperasi tertutup', di mana keanggotaannya hanya untuk warga SPRM sahaja. Jika bukan kita, siapa lagi yang hendak menyokong Kospera.

Tidak dinafikan, Kospera masih lagi setahun jagung di dalam alam perniagaan, masih lagi bertatih mengatur perjalanan operasinya. Sehingga akhir tahun 2018, fokus Kospera lebih tertumpu kepada usaha memantapkan urusan pentadbiran koperasi. Pentadbiran sesebuah koperasi bukanlah semudah yang dijangkakan. Namun begitu, di samping usaha memantapkan pentadbiran koperasi, Kospera telah mula mewujudkan Kedai Serbaneka di Aras 7 Ibu Pejabat SPRM. Walaupun lokasi kedai yang tidak berapa sesuai, namun dengan pelbagai usaha dan promosi, ianya sedikit sebanyak menampakkan hasil serta memenuhi aspirasi Kospera di dalam memberikan perkhidmatan runcit kepada semua warga SPRM di Ibu Pejabat.

Akhir kata, saya menyeru kepada semua warga SPRM, marilah sama-sama kita sertai Kospera dan memperkasakan lagi koperasi kita. Disamping itu, sama-sama kita berdoa agar Allah SWT merahmati dan mempermudah segala usaha murni kita ini.

"Dari Anda Untuk Anda". Sekian dan selamat bersidang.



[DATO' SHAMSHUN BAHARIN BIN MOHD JAMIL]

AGENDA MESYUARAT AGUNG TAHUNAN 2018

<u>BIL.</u>	<u>PERKARA</u>
1.	Ucapan Pengerusi Ahli Lembaga Kospera.
2.	Melantik : 2.1 Seorang Pengerusi Mesyuarat; dan 2.2 Pencatat Minit Mesyuarat Agung Tahunan Pertama.
3.	Menimbang dan meluluskan cadangan pindaan Undang-Undang Kecil Kospera.
4.	Menimbang dan meluluskan : 4.1 Laporan Tahunan Lembaga; 4.2 Laporan Jawatankuasa Audit Dalamannya; dan 4.3 Akaun-akaun Kospera Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Dis 2018.
5.	Memilih dan melantik : 5.1 Lima (5) Ahli Lembaga baru mengikut Undang-Undang Kecil 37 Kospera; 5.2 Enam (6) orang dari Anggota Kospera yang hadir serta Empat (4) orang dari kalangan Ahli Lembaga sebagai Ahli Jawatankuasa untuk menentusahkan Deraf Minit Mesyuarat Agung Tahunan Pertama; dan 5.3 Wakil Perhubungan Kospera di setiap Bahagian/Negeri yang mempunyai anggota.
6.	Menimbang dan meluluskan : 6.1 Anggaran Belanjawan bagi tahun yang akan datang; dan 6.2 Cadangan kadar pemberian Elaun Tetap (ET) dan Elaun Mesyuarat (EM) kepada Juruaudit Dalamannya (JAD) yang dilantik;
7.	Meluluskan 2 Firma Juruaudit Luar yang diperakui oleh Suruhanjaya Koperasi untuk dipilih kemudian oleh ALK sebagai Juruaudit Luar yang akan mengendalikan audit bagi penggal akaun berakhir 31 Dis 2019.
8.	Membentang, menimbang dan meluluskan : 8.1 Usul dan cadangan dari Lembaga; dan 8.2 Apa-apa usul atau atau notis atau urusan lain yang dibangkitkan oleh Anggota yang dihantar kepada Kospera sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum tarikh mesyuarat agung.
9.	Hal-hal lain.

LAPORAN TAHUNAN KOSPERA 2018

1. AHLI LEMBAGA KOPERASI

Ahli Lembaga Koperasi (ALK) terdiri daripada 15 orang pegawai seperti berikut:

Pengerusi	: YBhg. Dato' Shamshun Baharin Bin Mohd Jamil
Setiausaha	: Tuan Megat Nor Esham Bin Megat Mohd Salleh
Bendahari	: Puan Siti Zakiah Binti Che Man
Pen. Setiausaha	: Puan Rozila Binti Abdullah@Romli
Pen. Bendahari	: Tuan Saiful Azri Bin Mohamad
Anggota Lembaga	: YBhg. Dato' Junipah Binti Wandu YBhg. Dato' Abdul Samat Bin Kasah Tuan Mohamad Zaki Bin Ibrahim Tuan Hadi Bin Husin Puan Nur Aida Binti Ariffin Puan Mayalina Binti Mohd Shamsudin Puan Halimah Binti Md Shariff Puan Saemah Binti Sarpan Tuan Muhammad Multazam Bin Mohd Shuhaini Tuan Lim Yong Seng

2. JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN

Jawatankuasa Audit Dalaman (JAD) terdiri daripada 3 pegawai seperti berikut:

- a) Tuan Mohd Nazali Bin Md Jidin (Ketua)
- b) Tuan Harussani Bin Hamzah
- c) Tuan Muhammad Faiz Bin Rahmat

3. JURUAUDIT LUAR

Bagi tahun kewangan 2018, memandangkan Kospera masih lagi baru ditubuhkan, pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) menyarankan supaya Kospera menggunakan SKM sendiri sebagai Juruaudit Luar. Ianya telah diputuskan dan dipersetujui secara majoriti di dalam Mesyuarat ALK Bil. 2/2018.

4. MESYUARAT DAN KURSUS

4.1 MESYUARAT AHLI LEMBAGA KOPERASI

Ahli Lembaga telah bermesyuarat sebanyak 3 kali sepanjang tahun 2018, yang membincangkan hal-hal pentadbiran dan pengurusan Kospera disamping membincangkan halatuju aktiviti-aktiviti Kospera. Mesyuarat tersebut adalah;

- a) Mesyuarat ALK Bilangan 1/2018 pada 18 Januari 2018 (Rabu)
- b) Mesyuarat ALK Bilangan 2/2018 pada 30 Mac 2018 (Jumaat)
- c) Mesyuarat ALK Bilangan 3/2018 pada 8 Jun 2018 (Jumaat)

4.2 KURSUS-KURSUS WAJIB AHLI LEMBAGA

Sebagai salah satu syarat wajib, setiap Ahli Lembaga Koperasi perlulah mengikuti beberapa siri latihan yang dikendalikan oleh Maktab Koperasi Malaysia (MKM) ataupun mana-mana Koperasi utama yang lain. Berikut adalah senarai kursus yang telah dihadiri oleh para Ahli Lembaga KOSPRA;

- a) Bengkel Pengurusan Koperasi (anjuran ANGKASA) 7 Feb 2018
- b) Kursus Wajib Gabung MKM (anjuran MKM) 4-6 Julai 2018
- c) Bengkel Perakaunan Khas (anjuran MKM) 7-9 November 2018

5. JUMLAH ANGGOTA

Jumlah anggota sehingga **31 Disember 2018** adalah seramai **129** orang.

6. MODAL SYER DAN MODAL YURAN

Jumlah modal syer dan modal yuran sehingga **31 Disember 2018** adalah seperti berikut;

6.1 Modal Syer = **RM 17,150.00**


6.2 Modal Yuran = **RM 15,520.00**

7. PRESTASI KEWANGAN TAHUNAN

Tahun 2018 merupakan tahun pertama KOSPRA beroperasi, dan kebanyakan aktiviti kewangan koperasi adalah melibatkan Kos Operasi KOSPRA sendiri. Ini telah digambarkan melalui Laporan Kewangan berakhir 31 Disember 2018, di mana **kerugian** terkumpul dicatatkan berjumlah **RM30,615.98**. Unjuran ini dijangka akan berubah pada tahun 2019 sekiranya KOSPRA memperolehi beberapa keuntungan daripada aktiviti-aktiviti yang akan dirancang, serta susutnilai harta modal KOSPRA.

8. RINGKASAN AKTIVITI PERUNCITAN

Kedai Serbaneka KOSPRA yang dibuka sejak Mac 2018 di Aras 7, Ibu Pejabat SPRM merupakan inisiatif pertama KOSPRA dalam menyediakan kemudahan kepada warga SPRM. Walaupun kedai ini agak jauh daripada akses orang awam yang berurusan di Ibu Pejabat, namun sepanjang 2018, jualan yang ditunjukkan sedikit sebanyak memberangsangkan. Namun begitu, KOSPRA tidak akan berasa selesa dengan prestasi sedia ada, dan beberapa penambahbaikan akan dilakukan dari semasa ke semasa termasuk menyediakan lebih pilihan barang jualan, di samping kedai ini juga membuka ruang kepada mana-mana Anggota Koperasi untuk memasarkan produk jualan mereka dari semasa ke semasa. Sehingga Disember 2018, jualan yang terhasil adalah seperti carta di bawah;



9. PENGHARGAAN

Ahli Lembaga KOSPERA ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan terhadap idea, syor, nasihat dan tunjuk ajar yang telah diberikan kepada KOSPERA oleh semua pihak yang terlibat;

- a) Jawatankuasa Audit Dalaman
- b) Pegawai dan Kakitangan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
- c) Pegawai dan Kakitangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)
- d) Pengurus Besar dan Kakitangan ANGKASA
- e) Pegawai-pegawai Maktab Koperasi Malaysia (MKM)
- f) Ketua Perniagaan Koperasi Runcit dan Kakitangan Bank Rakyat
- g) Ahli Lembaga dan Pengurus Besar Koperasi Imigresen Malaysia Berhad (KOPRIMA)
- h) Affin Bank Berhad
- i) Syarikat dan Pembekal KOSPERA
- j) Mana-mana orang perseorangan yang memberi bantuan dan kerjasama kepada KOSPERA.

Sekian, terima kasih.

“Prihatin, Mesra dan Profesional”

Dengan Perintah Lembaga Koperasi



MEGAT NOR ESHAM BIN MEGAT MOHD SALLEH

Setiausaha

Koperasi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia Berhad (KOSPERA)

**LAPORAN TAHUNAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN
KOPERASI SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA**

1. Laporan Tahunan ini disediakan mengikut kuasa yang diberi dibawah Seksyen 49 Akta Koperasi 1993.
2. Laporan yang dibuat oleh kami pada keseluruhannya yang berhubung secara langsung atau tidak langsung dengan koperasi termasuk buku-buku akaun, resit-resit serta semua transaksi akaun yang tersusun walaupun terdapat sedikit perkara perlu diperbetulkan dan dikemaskini.
3. Kami telah mengaudit kedai milik Koperasi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan mendapati pada keseluruhannya diurus secara baik dan teratur. Namun begitu beberapa perkara yang perlu ditambahbaik dan diambil perhatian seperti:
 - a) Kaedah pengurusan akaun di kedai kospera perlu ditambahbaik dari segi perekodan jualan dan belian yang perlu mengikut piawaian perakaunan.
 - b) Kedudukan kedai kospera yang kurang strategik untuk menarik minat pembeli kerana berada di dalam kawasan yang jarang dilalui oleh pegawai dan orang yang berurusan dengan SPRM.
4. Selaras dengan kehendak dan peraturan dibawah Akta Koperasi 1993 dan Undang-undang Kecil Koperasi, segala urusan dan pengurusan pihak koperasi pada keseluruhannya didapati telah dilaksanakan dan diurus dengan baik.
5. Kami sebagai Ahli Jawatankuasa Audit Dalam mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada semua pihak pengurusan koperasi khususnya Kakitangan Koperasi dan Ahli Lembaga Koperasi yang telah memberi kerjasama baik.



**(MOHD NAZALI BIN MD JIDIN)
KETUA AUDIT DALAM**



**(HARUSSANI BIN HAMZAH)
AHLI AUDIT DALAM**



**(MUHAMMAD FAIZ BIN RAHMAT)
AHLI AUDIT DALAM**

PENYATA PERAKAUAN BAGI TAHUN BERAKHIR 3 DISEMBER 2018

**KOPERASI SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA BERHAD
KUNCI KIRA-KIRA
PADA DISEMBER 2018**

	NOTA	2018 RM	2017 RM
HARTA TANAH, LOJI DAN PERALATAN	3		
Komputer		2,240.90	-
Aset-Aset Lain		8,816.38	-
		<u>11,057.28</u>	<u>-</u>
ASET BUKAN SEMASA			
Pelaburan Dalam Syer Tak Siar Harga	4	10,000.00	-
		<u>10,000.00</u>	<u>-</u>
ASET SEMASA			
Inventori	5	3,700.20	-
Wang Di Bank	6	24,504.21	-
Wang Di Tangan	7	13,256.03	-
		<u>41,460.44</u>	<u>-</u>
LIABILITI SEMASA			
Pelbagai Pemiutang	8	58,343.70	-
		<u>58,343.70</u>	<u>-</u>
Aset/Liabiliti Semasa Bersih		<u>(16,883.26)</u>	<u>-</u>
		<u>4,174.02</u>	<u>-</u>
DIBIYAI OLEH :			
Modal Syer Anggota	9	17,150.00	-
Modal Yuran Anggota	10	15,520.00	-
Lain-Lain Kumpulan Wang/Tabung Anggota	11	2,120.00	-
Akaun Untung Rugi Terkumpul		(30,615.98)	-
KUMPULAN WANG ANGGOTA		<u>4,174.02</u>	<u>-</u>
LIABILITI BUKAN SEMASA		-	-
		<u>4,174.02</u>	<u>-</u>

KOPERASI SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA BERHAD
AKAUN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

	NOTA	2018 RM	2017 RM
Untung / (Rugi) Bersih Tahun Semasa (RM):		(30,615.98)	-
Campur/Tolak: Pelarasan Operasi		-	-
Untung/(Rugi) Selepas Pelarasan Operasi		(30,615.98)	-
Tolak: Pembahagian Berkanun		-	-
Untung/(Rugi) Selepas Pembahagian Berkanun		(30,615.98)	-
Tolak: Lain-Lain Pembahagian		-	-
Baki Keuntungan Yang Belum Dibahagi-bahagikan		(30,615.98)	-
Campur/Tolak: Pelarasan Bukan Operasi		-	-
Campur: Keuntungan Terkumpul Pada Awal Tahun		-	-
KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) TERKUMPUL PADA AKHIR TAHUN		(30,615.98)	-

KOPERASI SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA BERHAD
AKAUN UNTUNG RUGI INDUK
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

		2018	2017
	NOTA	RM	RM
<u>PENDAPATAN</u>			
<u>PENDAPATAN DARI AKTIVITI :</u>			
Pemborongan/Peruncitan		44,071.31	-
Lain-Lain Aktiviti		<u>1,650.00</u>	<u>-</u>
Jumlah		45,721.31	-
Pendapatan Am	12	<u>11,983.69</u>	<u>-</u>
JUMLAH PENDAPATAN		<u>57,705.00</u>	<u>-</u>
Tolak : PERBELANJAAN			
KOS JUALAN / KOS AKTIVITI			
Pemborongan / Peruncitan		38,808.78	
Lain-lain Aktiviti (Sewa)		<u>600.00</u>	<u>-</u>
Jumlah		39,408.78	-
Perbelanjaan Am :			
Perbelanjaan Lembaga		3,300.00	-
Susutnilai Aset		2,191.32	-
Gaji dan Perbelanjaan Kakitangan		27,835.73	-
Pelbagai Perbelanjaan	13	<u>15,585.15</u>	<u>-</u>
JUMLAH PERBELANJAAN		<u>88,320.98</u>	<u>-</u>
KEUNTUNGAN / (KERUGIAN) BERSIH		<u>(30,615.98)</u>	<u>11 Page</u>

KOPERASI SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA BERHAD
AKAUN PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN (PEMBORONGAN/PERUNCITAN)
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

	NOTA	2018 RM	2017 RM
PENDAPATAN			
Jualan		42,828.31	-
Tolak: Pulangan Jualan		-	-
Komisen Konsainan		<u>1,243.00</u>	<u>-</u>
Jualan Bersih		<u>44,071.31</u>	<u>-</u>
Tolak: KOS JUALAN			
Stok Awal		-	-
Campur: Belian		42,508.98	-
Tolak: Pulangan Belian		-	-
Stok Akhir		<u>(3,700.20)</u>	<u>-</u>
Jumlah Kos Jualan		<u>38,808.78</u>	<u>-</u>
UNTUNG KASAR PERDAGANGAN		<u>5,262.53</u>	<u>-</u>

KOPERASI SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA BERHAD
AKAUN PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN (LAIN-LAIN AKTIVITI-SEWA)
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

	NOTA	2018 RM	2017 RM
PENDAPATAN			
Sewa Diterima Kafe		-	-
Sewa Diterima Vending Machine		<u>1,650.00</u>	<u>-</u>
JUMAH PENDAPATAN		<u>1,650.00</u>	<u>-</u>
PERBELANJAAN			
Sewa Dibayar Kafe		<u>600.00</u>	<u>-</u>
JUMLAH PERBELANJAAN		<u>600.00</u>	<u>-</u>
KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) DIPINDAHKAN KE AKAUN UNTUNG RUGI (INDUK)		<u>1,050.00</u>	<u>-</u>

KOPERASI SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA BERHAD (KOSPERA)


**Laporan Berkanun Lembaga
Mengikut perenggan (1)(c) Seksyen 59 Akta Koperasi 1993**

Kami bagi pihak Lembaga dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan untuk tahun berakhir **31 DISEMBER 2018**.


Sesuai dengan kehendak-kehendak Akta Koperasi 1993 dan Peraturan-peraturan Koperasi 2010 yang diperbuat di bawahnya, kami bagi pihak Lembaga melaporkan bahawa :-

- (a) Pada pendapat Lembaga Koperasi, keputusan-keputusan koperasi bagi tahun kewangan berakhir **31 DISEMBER 2018** tidak dipengaruhi oleh perkara-perkara yang luar biasa mengikut takrif subseksyen 59(4) Akta Koperasi 1993.
- (b) Memandangkan Koperasi masih baru beroperasi serta keadaan kewangan yang belum stabil sehingga tahun berakhir **31 DISEMBER 2018**, Koperasi **tidak bercadang** untuk memberi sebarang peruntukan ke atas perkara-perkara seperti dividen, honorarium, dan lain-lain peruntukan ke atas mana-mana peruntukan kumpulan/tabung wang.
- (c) Tiada hal-hal berbangkit yang menjadikan cara menilai aset dan liabiliti koperasi yang digunakan sekarang mengelirukan atau tidak sesuai.
- (d) Dalam jangkamasa yang diliputi oleh Akaun Untung Rugi, tiada liabiliti luarjangka yang disanggupi oleh koperasi yang belum diselesaikan.
- (e) Lembaga juga berpendapat bahawa jumlah aset semasa yang ditunjukkan di Kunci Kira-Kira adalah munasabah.

Kami bagi pihak Lembaga mengaku bahawa selain daripada perkara-perkara yang tersebut di atas, tiada lain-lain perkara di dalam pengetahuan kami yang tiada dinyatakan seperti yang dikehendaki oleh subseksyen 59(3) Akta Koperasi 1993.


.....
(DATO' SHAMSHUN BAHARIN BIN MOHD JAMIL)
Pengerusi


.....
(MEGAT NOR ESHAM BIN MEGAT MOHD SALLEH)
Setiausaha


.....
(SITI ZAKIAH BINTI CHE MAN)
Bendahari

**CADANGAN ATURAN-ATURAN
KOPERASI SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA BERHAD (KOSPERA)**

ATURAN 1

**KOPERASI SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA BERHAD
D/A IBU PEJABAT SPRM
ARAS 7, BLOK C, NO.2, LEBUH WAWASAN, PRESINT 7, 62250
WILAYAH PERSEKUTUAN, PUTRAJAYA**

ATURAN YURAN DAN PENGELUARAN YURAN

1. TAJUK

- (a) Aturan ini adalah dinamakan “**Aturan Yuran dan Pengeluaran Yuran**”.
- (b) Aturan ini diwujudkan di bawah Undang-undang Kecil 9(3) Koperasi ini dan dikuatkuasakan melalui persetujuan mesyuarat agung Koperasi ini pada **18 November 2019** dan dikemukakan kepada Suruhanjaya.

2. TAFSIRAN

Dalam Aturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain:-

- (a) “**Anggota**” ertinya seseorang yang telah mendaftar menjadi anggota Koperasi ini dan yang telah memenuhi kehendak Undang-undang Kecil Koperasi ini.
- (b) “**Koperasi**” atau “**Koperasi ini**” ertinya Koperasi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia Berhad (KOSPERA) yang didaftarkan di bawah Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).
- (c) “**Exco**” ertinya anggota yang dilantik oleh Ahli Lembaga Koperasi (ALK) untuk menguruskan aktiviti ini.
- (d) “**Lembaga**” ertinya Ahli Lembaga Koperasi (ALK) yang dilantik untuk memantau aktiviti dan pengurusan keseluruhan.
- (e) “**Mesyuarat Agung Koperasi**” ertinya mesyuarat agung koperasi tahunan seperti diperuntukan dalam Undang-undang Kecil 25.
- (f) “**Undang-undang Kecil**” ertinya Undang-undang Kecil Koperasi ini dan termasuklah sebarang pindaan berdaftar kepadanya.
- (g) “**Penama**” ertinya orang yang dinamakan oleh anggota menurut undang-undang kecil 18 untuk menerima setelah anggota meninggalkan wang-wang berhak baginya dari koperasi ini atau dalam keadaan di mana penama tidak ada, pentadbir atau waris anggota yang meninggal itu atau pegawai pusaka.
- (h) “**Yuran**” ertinya bayaran atau caruman yang dibuat oleh anggota pada setiap bulan melalui potongan gaji atau tunai/bank in kepada koperasi.
- (i) Perkataan-perkataan yang bererti tunggal atau jamak, masing-masing hendaklah meliputi tunggal atau jamak, dan perkataan yang bererti jenis lelaki hendaklah meliputi jenis perempuan.

3. TUJUAN

- (a) Bertujuan untuk mempermudah urusan pentadbiran yuran dan pengeluaran yuran.

- (b) Sebagai garis panduan untuk anggota memahami hal-hal berkaitan pengurusan yuran yang dicarum.

4. ATURAN YURAN

- (a) Caruman minima yuran anggota setiap bulan hendaklah tidak kurang daripada RM30.00.
- (b) Caruman yuran bulanan seseorang anggota yang mempunyai pinjaman jaminan atau pinjaman kedua hendaklah tidak kurang daripada 1/200 pinjaman atau kadar penambahan yang ditetapkan oleh Lembaga.
- (c) Penambahan caruman yuran bulanan hendaklah dibuat dalam gandaan RM5.00 sahaja.

5. PENTADBIRAN DAN PEMANTAUAN

- (a) Lembaga Koperasi ini hendaklah bertindak sebagai pengurus dan pemegang amanah yuran ini sepertimana peruntukan Undang-Undang Kecil.
- (b) Bagi melancarkan pentadbiran dan pemantauan, Lembaga akan melantik 3 Ahli Exco yang bertanggungjawab sepenuhnya untuk memantau operasi aktiviti ini dari semasa ke semasa di bawah Undang-Undang Kecil 49(2).
- (c) Exco juga akan dibantu oleh kakitangan pentadbiran Koperasi ini untuk menjalankan urusan-urusan berkaitan dan melaporkan kepada Lembaga.

6. PENGELUARAN YURAN UNTUK TUJUAN KHUSUS ANGGOTA

- (1) Lembaga boleh membenarkan pengeluaran yuran seseorang anggota sehingga 60% (enam puluh peratus) dari jumlah yurannya tertakluk kepada syarat-syarat berikut;
 - (a) Pengeluaran adalah untuk tujuan:
 - (i) Anggota membeli tanah atau rumah;
 - (ii) Anggota menunaikan fardhu Haji, Umrah atau ke tempat suci seberang laut buat pertama kali;
 - (iii) Anggota melanjutkan pelajaran; atau
 - (vi) Anggota mendapatkan rawatan perubatan.
 - (v) Sebab-sebab lain yang diluluskan oleh Lembaga.
 - (b) Pengeluaran yuran akan dibenarkan hanya jika pihak Lembaga berpuas hati dengan sepenuhnya bahawa sesuatu permohonan itu adalah benar dan permohonan mestilah disertakan bukti yang sah berhubung dengan tujuan yang dinyatakan dari aturan 6(1) (a) (i) hingga (v). Harta benda tak alih yang dinyatakan dalam aturan 6(1) (a) (i) hendaklah terletak di Malaysia.
 - (c) Anggota mestilah mempunyai yuran minimum terkumpul sebanyak RM2,000.00 (Ringgit: Dua ribu) semasa permohonan pengeluaran yuran, atau sebarang had minimum yang akan ditetapkan oleh Lembaga dari semasa ke semasa.
 - (d) Pengeluaran yuran tidak dibenarkan sekiranya anggota mempunyai tanggungan sebagai peminjam.
- (2) Anggota adalah dibenar mengeluarkan yuran sebanyak tiga (3) kali di dalam tempoh keanggotaannya.
- (3) Lembaga berhak untuk memutuskan sama ada menerima atau menolak mana-mana permohonan dan menetapkan peratus yang boleh dikeluarkan oleh anggota tertakluk kepada kedudukan kewangan dalam KOSPERA pada masa permohonan dibuat.

- (4) Anggota bolehlah membuat permohonan pada tarikh 1hb Januari sehingga tarikh akhir permohonan iaitu pada 15hb Jun sahaja.

7. PENGELUARAN YURAN BAGI ANGGOTA YANG BERHENTI MENJADI ANGGOTA KOSPERA

- (a) Bagi anggota pemohon untuk berhenti dari menjadi anggota dan telah diluluskan oleh Lembaga, yuran bolehlah dikembalikan dalam tempoh 12 bulan atau dalam tempoh yang lebih singkat mengikut keputusan Lembaga setelah ditolak baki hutangnya (jika ada) dengan Koperasi ini.
- (b) Bagi anggota yang dipecat keanggotaannya, yurannya bolehlah dikembalikan dalam tempoh 12 bulan atau dalam tempoh yang lebih singkat mengikut keputusan Lembaga setelah ditolak baki hutang (jika ada) dengan Koperasi ini.
- (c) Yuran hanya akan dikembalikan setelah Lembaga menerima permohonan secara bertulis dari anggota atau bekas anggota.

8. PENAHANAN PENGELUARAN YURAN BAGI ANGGOTA YANG BERHENTI MENJADI ANGGOTA

Perkara 7(a) dan 7(b) hendaklah dengan sendirinya terbatal sekiranya anggota masih terikat sebagai seorang penjamin bagi mana-mana pinjaman yang telah diberikan oleh Koperasi.

9. CARA PERMOHONAN

- (a) Semua permohonan pengeluaran yuran hendaklah melalui borang permohonan rasmi Koperasi dan disertakan dengan dokumen-dokumen sokongan yang diperlukan. Borang permohonan yang lengkap hendaklah diperakukan oleh Exco.
- (b) Permohonan hendaklah disampaikan ke Pejabat Koperasi ini sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum Lembaga mengadakan mesyuarat bagi menimbangnya.
- (c) Pemohon-pemohon hendaklah terlebih dahulu menentukan bahawa borang-borang permohonan mereka dan dokumen-dokumen sokongan diisi dengan sempurna dan ditandatangani.
- (d) Borang-borang yang tidak lengkap akan menyebabkan permohonan tersebut ditolak.

10. PULANGAN ATAS YURAN

- (a) Sekiranya Koperasi ini berkemampuan, pulangan atas yuran dalam bentuk dividen akan diberikan oleh Koperasi ini dan akan dicadangkan oleh pihak Lembaga.
- (b) Penetapan kadar dividen atau pulangannya akan dibentang dan diluluskan di dalam Mesyuarat Agung Tahunan oleh Lembaga.

11. PELBAGAI

Jika pada bila-bila masa Lembaga berpendapat kedudukan kewangan Koperasi akan tergendala disebabkan oleh pengembalian modal yuran, Lembaga di dalam mesyuaratnya boleh dengan satu keputusan menahan atau menarik balik yuran. Penahanan itu tidaklah dikenakan dalam perkara terhenti menjadi anggota menurut Undang-Undang Kecil Koperasi.

12. PERTIKAIAN

Jika berbangkit sebarang perselisihan faham atas tafsiran aturan ini atau timbul apa-apa pertikaian mengenainya, maka pertikaian itu hendaklah dirujuk kepada Suruhanjaya menurut Undang-Undang Kecil 81 Koperasi ini.

Diperakui Aturan ini telah dibentang dan diluluskan di dalam Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi pada **18 November 2019**.

.....
**(Dato' Shamshun Baharin Bin
Mohd Jamil)**
Pengerusi

.....
**(Megat Nor Esham Bin Megat
Mohd Salleh)**
Setiausaha

.....
Siti Zakiah Binti Che Man)
Bendahari

ATURAN 2

**KOPERASI SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA BERHAD
D/A IBU PEJABAT SPRM
ARAS 7, BLOK C, NO.2, LEBUH WAWASAN, PRESINT 7, 62250
WILAYAH PERSEKUTUAN, PUTRAJAYA**

ATURAN KUMPULAN WANG KEBAJIKAN DAN PENDIDIKAN

1. TAJUK

- (a) Aturan ini adalah dinamakan **Aturan Kumpulan Wang Kebajikan Dan Pendidikan**.
- (b) Aturan ini diwujudkan di bawah Undang-undang Kecil 9(3) Koperasi ini dan dikuatkuasakan melalui persetujuan mesyuarat agung Koperasi ini pada **18 November 2019** dan dikemukakan kepada Suruhanjaya.

2. TAFSIRAN

Dalam aturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain:-

- (a) **“Kumpulan Wang Kebajikan dan Pendidikan”** ertinya satu kumpulan wang yang diwujudkan untuk membolehkan koperasi memberi bantuan kepada anggota atau tanggungannya apabila berada dalam kesusahan.
- (b) **“Koperasi”** atau **“Koperasi ini”** ertinya Koperasi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia Berhad (KOSPERA) yang didaftarkan di bawah Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).
- (c) **“Anggota”** ertinya seseorang yang telah mendaftar menjadi anggota Koperasi ini dan yang telah memenuhi kehendak Undang-undang Kecil Koperasi ini.
- (d) **“Lembaga”** ertinya Ahli Lembaga Koperasi (ALK) yang dilantik untuk memantau aktiviti dan pengurusan keseluruhan.
- (e) **“Exco”** ertinya anggota yang dilantik oleh Ahli Lembaga Koperasi (ALK) untuk menguruskan aktiviti ini.
- (f) **“Suami/isteri”** ertinya suami atau isteri anggota Koperasi ini yang sah di sisi undang-undang.
- (g) **“Keluarga”** termasuklah isteri atau isteri-isterinya, anak-anaknya yang mana termasuk juga anak angkatnya yang sah disisi undang-undang dan anak-anak tirinya. Keluarga anggota juga termasuk ibu dan bapa kandung mereka.
- (h) **“Mesyuarat Agung Koperasi”** ertinya mesyuarat agung koperasi tahunan seperti diperuntukan dalam Undang-undang Kecil 25.
- (i) **“Undang-undang Kecil”** ertinya Undang-undang Kecil Koperasi ini dan termasuklah sebarang pindaan berdaftar kepadanya.
- (j) Perkataan-perkataan yang bererti tunggal atau jamak, masing-masing hendaklah meliputi tunggal atau jamak, dan perkataan yang bererti jenis lelaki hendaklah meliputi jenis perempuan.

3. TUJUAN

Tujuan **Aturan Kumpulan Wang Kebajikan dan Pendidikan** (selepas ini disebut **“Aktiviti Ini”**) diwujudkan ialah untuk:-

- (a) Membolehkan anggota dan tanggungan mereka mendapat bantuan, kemudahan dan faedah dari Koperasi ini dan seterusnya meringankan beban kesusahan dan kesulitan atas pelbagai musibah dan malapetaka yang dialami.
- (b) Sebagai garis panduan untuk mengurus dan mengawal perjalanan aktiviti ini dengan sempurna.
- (c) Sebagai punca kuasa untuk mendapatkan sumber kewangan sebagai dana menjalankan aktiviti di bawah aturan ini.
- (d) Membolehkan Koperasi ini memberi sumbangan kepada badan-badan kebajikan yang memerlukan bantuan.
- (e) Membolehkan anggota yang dibersarakan atas sebab-sebab kesihatan diberikan bantuan/sumbangan.

4. SUMBER KEWANGAN

Sumber kewangan bagi melaksanakan aktiviti ini diperolehi daripada:-

- (a) Peratus (%) daripada keuntungan bersih Koperasi ini yang diluluskan oleh mesyuarat agung mengikut Undang-Undang Kecil) Koperasi ini;
- (b) Sumbangan dari anggota dan pihak-pihak lain;
- (c) Mana-mana sumber kewangan lain yang dibenarkan menurut Akta Koperasi, Peraturan dan Undang-undang kecil; dan
- (d) Potongan **RM5.00 sebulan** dari gaji tiap-tiap anggota.

5. PENTADBIRAN DAN PEMANTAUAN

- (c) Lembaga Koperasi ini hendaklah bertindak sebagai pengurus dan pemegang amanah Kumpulan Wang ini sepertimana peruntukan Undang-Undang Kecil.
- (d) Bagi melancarkan pentadbiran dan pemantauan, Lembaga akan melantik 3 Ahli Exco yang bertanggungjawab sepenuhnya untuk memantau operasi aktiviti ini dari semasa ke semasa di bawah Undang-Undang Kecil 49(2).
- (d) Exco juga akan dibantu oleh kakitangan pentadbiran Koperasi ini untuk menjalankan urusan-urusan berkaitan dan melaporkan kepada Lembaga.

6. KELAYAKAN

Sumbangan boleh diberikan kepada anggota Koperasi ini tertakluk kepada syarat-syarat berikut :

- (a) Telah menjadi anggota Koperasi ini dan telah membayar Modal Syer sekurang-kurangnya RM100.00; dan
- (b) Telah menjadi ahli tidak kurang dari enam (6) bulan.

7. JENIS BANTUAN DAN KADAR SUMBANGAN

- (a) Koperasi bolehlah memberikan sumbangan kepada anggota melalui Kumpulan Wang ini atas kadar seperti berikut :

PERKARA	SYARAT	KADAR (RM)
Bantuan urusan kematian (a) Anggota; (b) Isteri / suami; (c) ahli keluarga terdekat (ibu/ bapa atau anak) sahaja;		(a) RM1000.00 (b) RM500.00 (c) RM300.00
Bantuan akibat kebakaran rumah, bencana alam dan lain-lain musibah yang difikirkan oleh Lembaga perlu diberikan bantuan	-	RM500.00
Perkahwinan	Perkahwinan pertama sahaja	RM300.00
Kelahiran anak	-	RM100.00
Pencapaian akademik anak anggota	(a) UPSR (6A) (b) PMR (7A) (c) SPM (8A) (d) STPM (4P)	(a) RM100.00 (b) RM200.00 (c) RM400.00 (d) RM800.00
Bantuan Persekolahan Anak	(a) Kumpulan pelaksana (b) Kumpulan P&P	(a) RM150.00 (b) RM100.00
Sumbangan Kepada Badan-Badan Kebajikan	Badan-badan kebajikan yang dipersetujui oleh Lembaga	RM500.00

- (b) Jumlah bantuan atau sumbangan bagi tujuan selain daripada yang ditetapkan di dalam jadual di atas adalah bergantung kepada budi bicara Lembaga untuk menentukannya.

8. CARA TUNTUTAN/PERMOHONAN

- (a) Semua permohonan untuk mendapatkan bantuan daripada kumpulan wang ini hendaklah dibuat dengan menggunakan borang rasmi yang disediakan berserta dengan dokumen-dokumen sokongan. Permohonan hendaklah dibuat mengikut kehendak-kehendak dan syarat-syarat aturan ini sebelum diperakukan kepada Exco.
- (b) Permohonan tersebut akan diproses oleh Exco ini untuk kelulusan dan melaporkan kepada Lembaga. Dalam keadaan yang memerlukan pertimbangan Lembaga, jawatankuasa ini akan mengemukakan cadangan yang sesuai.
- (c) Bagi permohonan yang memerlukan bantuan segera (seperti kematian dan bencana alam), bantuan hendaklah disalurkan dengan seberapa segera dan Exco perlu memaklumkan kepada Lembaga.

9. KAEDAH PENENTUAN KADAR SUMBANGAN

- (a) Kadar sumbangan yang boleh dibayar oleh Lembaga kepada sesuatu permohonan itu adalah berdasarkan rujukan jadual seperti di para 7(a), walaubagaimanapun, ianya bergantung kepada kedudukan kewangan semasa Kumpulan Wang ini.
- (b) Keputusan Lembaga dalam menentukan kadar sumbangan yang boleh diberikan kepada sesuatu permohonan itu adalah muktamad.
- (c) Dalam keadaan tertentu, kadar sumbangan yang akan ditentukan oleh Lembaga adalah berdasarkan kepada merit sesuatu permohonan, iaitu berpandukan kepada pendapatan anggota, tanggungannya dan jumlah perbelanjaan yang diperlukan.
- (d) Sebarang perubahan ke atas ketetapan yang telah dipersetujui di dalam jadual di para 7(a) perlulah di bawa ke dalam Mesyuarat Agung untuk dibentang dan diluluskan.

10. PENANGGUHAN SEMENTARA ATAU PEMULIHAN AKTIVITI KUMPULAN WANG

- (a) Jika kedudukan kumpulan wang ini tidak mengizinkan lagi untuk menyalurkan bantuan, maka Lembaga hendaklah menggantung aktiviti Kumpulan Wang ini sehingga kedudukan kewangannya dipulihkan semula.
- (b) Semua anggota hendaklah dimaklumkan melalui surat-surat pekeliling mengenai penangguhan atau pemulihan semula Kumpulan Wang ini.

11. PERTIKAIAN

Jika berbangkit sebarang perselisihan faham atas tafsiran Aturan ini atau timbul apa-apa pertikaian mengenainya, maka pertikaian itu hendaklah dirujuk kepada Suruhanjaya mengikut Undang-Undang Kecil 81 Koperasi ini.

Aturan ini telah dibentang dan diluluskan di dalam mesyuarat agung tahunan koperasi pada **18 November 2019**.

.....
**(Dato' Shamsun Baharin Bin
Mohd Jamil)**

Pengerusi

.....
**(Megat Nor Esham Bin Megat
Mohd Salleh)**

Setiausaha

.....
(Siti Zakiah Binti Che Man)

Bendahari

ATURAN 3

**KOPERASI SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA BERHAD
D/A IBU PEJABAT SPRM
ARAS 7, BLOK C, NO.2, LEBUH WAWASAN, PRESINT 7, 62250
WILAYAH PERSEKUTUAN, PUTRAJAYA**

ATURAN UMUM AKTIVITI PEMBIAYAAN

1. TAJUK

- (a) Aturan ini dinamakan "**Aturan Umum Aktiviti Pembiayaan**".
- (b) Aturan ini diwujudkan di bawah undang-undang kecil 9(3) Koperasi ini dan dikuatkuasakan selepas persetujuan Mesyuarat Agung Koperasi pada **18 November 2019** dan dikemukakan kepada Suruhanjaya.

2. TUJUAN

Tujuan aturan ini diwujudkan adalah untuk :

- (a) Merancang aktiviti yang berkaitan dengan pembiayaan yang telah diluluskan oleh Lembaga; dan
- (b) Menjalankan aktiviti ini dengan sempurna disamping mengawal perjalanan aktiviti ini.

3. TAFSIRAN

Dalam aturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain:-

- (a) "**Koperasi**" ertinya Koperasi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia Berhad (KOSPERA) yang didaftarkan di bawah Suruhanjaya Koperasi Malaysia.
- (b) "**Lembaga**" ertinya badan pengelola Koperasi yang diamanahkan untuk menguruskan Koperasi sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Seksyen 2 Akta Koperasi 1993, yang dilantik menurut undang-undang kecil koperasi ini.
- (c) "**Exco**" ertinya mana-mana Ahli Lembaga yang bertanggungjawab memantau dan mengurus aktiviti pembiayaan serta sebarang permohonan pembiayaan ini berdasarkan peruntukan 49 (2) Undang-Undang Kecil Koperasi.
- (d) "**Anggota**" ertinya Anggota Koperasi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia Berhad (KOSPERA).
- (e) "**Aturan**" ertinya sesuatu peruntukan di dalam Aturan ini dan pindaan-pindaan yang dibuat kepadanya dari semasa ke semasa.
- (f) "**BPA**" ertinya Biro Perkhidmatan Angkasa.
- (g) "**SKM**" ertinya Suruhanjaya Koperasi Malaysia.
- (h) "**Undang-Undang Kecil**" ertinya undang-undang kecil Koperasi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia Berhad.
- (i) "**Al-Tawarruq**" ertinya seseorang yang membeli satu barangan dengan pembayaran secara bertangguh, kemudian pembeli tersebut menjual pula kepada pembeli lain dengan harga tunai yang kurang dari pembelian pertama itu bagi mendapatkan wang tunai.

- (j) **“Qadr’ul Hassan”** ertinya memberikan pinjaman wang kepada seseorang dengan perjanjian yang ia akan membayar balik dengan nilai yang sama. Ini bermakna hutang tanpa faedah atau tiada bayaran lebih atau manfaat material semasa ‘aqad’.
- (k) **“Bai’ Bithaman Ajil”** adalah perjanjian antara penjual dan pembeli. Penjual menjual barangan pada harga jualan yang ditambah dengan margin keuntungan. Margin ini dipersetujui dan bayaran balik dibuat sama ada secara sekaligus atau ansuran.
- (l) **“Bai’ al Inah”** adalah konsep di mana pihak koperasi menjual sesebuah aset kepada pembeli dengan bayaran tertangguh dan kemudiannya aset itu dibeli semula oleh koperasi secara tunai dengan diskaun.
- (m) **“Murabahah”** adalah konsep di mana kos tambahan atau margin keuntungan yang dimaklumkan kepada pembeli sebagai tambahan kepada harga jualan sesuatu barangan.
- (n) **“Komoditi”** ertinya aset yang dipersetujui untuk dijual beli atau diusahakan dalam pembiayaan berkonsep Al-Tawarruq.
- (o) **“Penghutang”** ertinya seseorang anggota yang membeli barang secara bayaran tangguh dengan pembiayaan berkonsep Al-Tawarruq.
- (p) **“Ibra”** ertinya rebet terhadap kadar keuntungan yang dibenarkan terhadap pembiayaan pembelian kepada penghutang ke atas pembayaran balik lebih awal dari tempoh yang ditetapkan.
- (q) **“Penjamin”** ertinya seorang anggota Koperasi yang menjamin pembiayaan dan bertanggung atas jumlah pembiayaan sekiranya anggota yang membuat pembiayaan gagal menjejaskan pembiayaan.
- (r) **“Akta”** ertinya Akta Koperasi 1993.

4. SUMBER KEWANGAN PEMBIAYAAN

- (a) Suatu peruntukan daripada modal Koperasi bolehlah dikhaskan bagi membiayai aktiviti ini yang mana hendaklah dikembangkan dari semasa ke semasa.
- (b) Lembaga boleh, apabila kekurangan modal, mendapatkannya:-
 - (i) Dengan cara mengumpul syer dan yuran daripada Anggota menurut perenggan 50(b) dan (c) Akta;
 - (ii) Deposit atau simpanan khas atau pinjaman daripada Anggota menurut perenggan 50(d) dan (e) Akta; dan
 - (iii) Melalui deposit atau pinjaman daripada bukan Anggota dengan kelulusan SKM menurut perenggan 50(e) Akta.

5. PENTADBIRAN DAN PEMANTAUAN

- (a) Lembaga Koperasi ini hendaklah bertindak sebagai pengurus dan pemegang amanah proses ini sepertimana peruntukan Undang-Undang Kecil.
- (b) Bagi melancarkan pentadbiran dan pemantauan, Lembaga akan melantik 3 Ahli Exco yang bertanggungjawab sepenuhnya untuk memantau operasi aktiviti ini dari semasa ke semasa di bawah Undang-Undang Kecil 49(2).
- (c) Exco juga akan dibantu oleh kakitangan pentadbiran Koperasi ini untuk menjalankan urusan-urusan berkaitan dan melaporkan kepada Lembaga.

6. KELAYAKAN

Pembiayaan ini boleh diberikan kepada anggota Koperasi tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- (a) Telah menjadi anggota Koperasi ini dan mencarum yurannya tidak kurang daripada enam (6) bulan berterusan;
- (b) Telah membayar syer sekurang-kurangnya RM100.00;
- (c) Berkemampuan iaitu bayaran ansuran bulanan tidak melebihi 60% dari gaji bersih bulanan;
- (d) Dilengkapkan dengan seorang (1) penjamin yang cukup syarat-syaratnya (bagi kaedah pinjaman berjamin); dan
- (e) Tawaran pembiayaan terhad kepada Anggota yang masih berkhidmat/berkerja.

7. KONSEP DAN JENIS PEMBIAYAAN

- (a) Pembiayaan yang diberikan kepada Anggota adalah berlandaskan kepada Kewangan Islam yang meliputi jenis-jenis pembiayaan yang mematuhi prinsip-prinsip Syariah.
- (b) Koperasi ini akan menggunakan konsep-konsep pembiayaan sama ada **Bai' Bithaman Ajil, Bai' Al-Inah, Bai' Murabahah, Al-Tawarruq** atau **Qadr'ul Hasan**.
- (c) Jenis-jenis pembiayaan yang akan ditawarkan adalah **Pembiayaan Mikro (Peribadi), Pinjaman Kecemasan, dan Pembiayaan Kenderaan**.

8. SYARAT-SYARAT PENJAMIN (BAGI KAEDAH PEMBIAYAAN ADA PENJAMIN)

- (a) Penjamin adalah terdiri daripada kalangan anggota Koperasi ini.
- (b) Penjamin tidak dibenarkan menjamin lebih daripada 2 anggota di dalam satu masa.
- (c) Ahli Lembaga **TIDAK DIBENARKAN** menjadi penjamin semasa tempoh di dalam jawatannya.
- (d) Penjamin tidak dibenarkan berhenti menjadi ahli koperasi selagi menjadi penjamin kepada peminjam kecuali diganti penjamin baru.
- (e) Tiap-tiap penjamin akan bersama-sama atau berasingan bertanggungjawab di atas bayaran balik pembiayaan ini sepenuhnya.
- (f) Penjamin-penjamin itu hendaklah membiayai kesemua skim pembiayaan yang diberi kepada penghutang, jika penghutang tidak dapat membayar balik mengikut perjanjian yang telah dipersetujui dan setelah ditolak jumlah yang terjamin oleh jumlah Simpanan Khas atau Modal Yuran anggota itu tertakluk kepada syarat-syarat pengeluaran.
- (g) Gaji bersih penjamin-penjamin pada masa permohonan hendaklah mencukupi untuk membayar jumlah satu ansuran bulanan penghutang.

9. PERMOHONAN

- (a) Semua permohonan hendaklah menggunakan borang rasmi Koperasi.
- (b) Permohonan hendaklah disampaikan ke Pejabat Koperasi ini sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum Lembaga mengadakan mesyuarat bagi menimbanginya.

- (c) Pemohon-pemohon hendaklah terlebih dahulu menentukan bahawa borang-borang permohonan mereka dan dokumen-dokumen sokongan diisi dengan sempurna dan ditandatangani.
- (d) Borang-borang yang tidak lengkap akan menyebabkan permohonan tersebut ditolak.
- (e) Semua borang permohonan akan diproses oleh pengurusan Koperasi ini dan disemak oleh Jawatankuasa yang dilantik oleh Lembaga di bawah Undang-Undang Kecil.
- (f) Dalam menjalankan tugas meluluskan permohonan pembiayaan/pinjaman, Jawatankuasa ini hendaklah menentukan:
 - (i) Kesempurnaan borang-borang yang diisi dan ditandatangani bersekali dengan dokumen sampingan dan kenyataan yang menyokong permohonan;
 - (ii) Kelayakan pemohon, penjamin-penjamin dan saksi-saksinya;
 - (iii) Kesanggupan pemohon untuk memberi kuasa kepada majikan supaya memotong gajinya melalui BPA untuk membuat bayaran pinjaman dan lain-lain caruman kepada koperasi ini;
 - (iv) Pengesahan dokumen bagi tujuan permohonan;
 - (v) Kedudukan baki pinjaman dan pembiayaan yang sedia ada dan tertunggak;
 - (vi) Kemampuan pemohon membayar pinjaman iaitu bayaran ansuran bulanan bagi pinjaman ini tidak melebihi satu per tiga daripada gaji bersih bulanan"
 - (vii) Permohonan yang terpaksa ditolak disebabkan permohonan tidak lengkap hendaklah dimaklumkan segera kepada pemohon agar pembetulan-pembetulan dapat dibuat dan permohonan-permohonan itu dipertimbangkan.
- (g) Kelulusan atau penolakan sebarang permohonan akan diputuskan di dalam Meyuarat Ahli Lembaga. Ianya hendaklah dicadang dan disokong oleh semua Anggota-anggota Lembaga dan mendapat suara terbanyak semasa pengundian, kelulusan atau penolakan itu hendaklah dicatatkan di dalam Daftar Permohonan Pembiayaan.
- (h) Adalah menjadi kuasa muktamad Ahli Lembaga untuk menolak permohonan pembiayaan, menghadkan jumlah pembiayaan yang dipohon atau menolak mana-mana Anggota daripada menjadi penjamin.

10. FI DAN CAJ

- (a) Fi adalah bayaran atau sumbangan yang dikenakan dalam satu jangkamasa yang berulang, manakala caj adalah merupakan bayaran yang dikenakan ke atas perkhidmatan atas sebarang pembiayaan yang ditawarkan.
- (b) Antara fi dan caj yang boleh dikenakan adalah:
 - (i) Caj pemprosesan sebanyak **RM100.00**;
 - (ii) Duti setem sebanyak **RM10.00**;
 - (iii) Kos insurans yang bergantung kepada jumlah dan jenis pembiayaan;
 - (iv) Caj pelangsaian pembiayaan antara **0.1 % hingga 5 %** daripada baki pembiayaan belum selesai;
 - (v) Sumbangan khairat kematian; dan

(vi) Lain-lain fi dan caj yang dibenarkan dan diluluskan oleh pihak SKM.

11. TEMPOH DAN KAEDAH BAYARAN BALIK

- (a) Tempoh maksimum bayaran balik pembiayaan/pinjaman adalah **tidak melebihi 10 tahun**, bergantung kepada jenis pembiayaan yang ditawarkan.
- (b) Kaedah pembayaran balik oleh setiap Anggota adalah ditentukan oleh Ahli Lembaga melalui 2 kaedah iaitu sama ada Potongan **Biro Perkhidmatan ANGKASA (BPA)** atau **Potongan Gaji Majikan (PGM)**.
- (c) Walaubagaimanapun, tempoh pembiayaan yang dimohon juga bergantung kepada **had umur persaraan**.

12. KAEDAH PEMBAYARAN WANG KEPADA PEMOHON

- (a) Kecuali dalam keadaan yang luar biasa yang dibenarkan oleh Lembaga, semua pembayaran wang hendaklah dilakukan seminggu selepas Mesyuarat Jawatankuasa meluluskannya.
- (b) Sebelum bayaran-bayaran dibuat, Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari Koperasi ini hendaklah memastikan bahawa;
 - (i) Surat-surat Perjanjian Skim Pembiayaan telah siap disempurnakan dan ditandatangani oleh semua pihak yang berkenaan;
 - (ii) Baucer pembayaran telah siap untuk ditandatangani;
 - (iii) Jumlah pembiayaan yang dilulus direkodkan dalam Daftar Pembiayaan;
 - (iv) Daftar Penjamin (jika berkaitan) telah sempurna disenggarakan; dan
 - (v) Pembayaran wang bagi urus niaga di bawah Skim ini hendaklah dilakukan terus (jika berkaitan) kepada pembekal hartanah, kenderaan atau perkhidmatan yang berkaitan, kecuali dalam hal-hal tertentu yang diluluskan oleh Lembaga, dibayar kepada pemohon.

13. PENANGGUHAN PEMBAYARAN BALIK

Di dalam keadaan-keadaan tertentu Lembaga boleh meluluskan penangguhan atau pengurangan sebarang ansuran pembiayaan. Di dalam sebarang tempoh di mana satu penangguhan ansuran pembiayaan diberikan, anggota hendaklah mengekalkan caruman bulanan modal yuran yang sama seperti terdahulu.

14. MENDAPATKAN BALIK HUTANG ATAU PEMBIAYAAN DENGAN SEGERA

Keseluruhan jumlah pembiayaan atau baki pinjaman hendaklah dibayar balik kepada koperasi tanpa bertangguh dan tanpa sebarang alasan jika didapati;

- (a) Penghutang berhenti atau diberhentikan daripada menjadi Anggota; dan
- (b) Kedudukan kewangan penghutang difikirkan meragukan.

15. AKIBAT KEGAGALAN MEMBAYAR BALIK

Dalam keadaan di mana seseorang Anggota itu didapati gagal untuk membayar balik wang sepatutnya dibayar kepada Koperasi, Ahli Lembaga berhak memutuskan dalam satu mesyuaratnya supaya jumlah wang yang masih belum dibayar itu ditolak daripada wang Anggota berkaitan yang ada di dalam modal yuran dan modal syernya di Koperasi kecuali syer minima seperti yang ditentukan dalam Undang-Undang Kecil.

16. TADBIR URUS DAN PELAPORAN

- (a) Ahli Lembaga hendaklah bertanggungjawab memastikan;
 - (i) Dasar dan piawaian pembiayaan senantiasa bersesuaian dan patuh Syariah serta mampu dilaksanakan berdasarkan halatuju Koperasi;
 - (ii) Amalan tadbir urus yang baik di dalam sistem pengurusan pembiayaan;
 - (iii) Prestasi portfolio pembiayaan dipantau secara berkala bagi mengkaji kesesuaian jenis pembiayaan, skala dan had pembiayaan, potensi pembiayaan bermasalah termasuk hutang lapuk;
 - (iv) Penglibatan Jawatankuasa Audit Dalaman bagi memastikan kawalan dalaman serta pengurusan risiko dipatuhi; dan
- (b) Sejajar dengan pematuhan perenggan 14(1)(c) Akta, Koperasi bertanggungjawab mengemukakan laporan sebagaimana yang digariskan mengikut format Garis Panduan Laporan Setengah Tahun Koperasi Kredit sepertimana yang dikeluarkan melalui Pekeliling Ketua Pendaftar Bil. 12 Tahun 2005.

17. PERTIKAIAN

Jika berbangkit sebarang perselisihan faham atas tafsiran aturan ini atau timbul apa-apa pertikaian mengenainya, maka pertikaian itu hendaklah dirujuk kepada Suruhanjaya menurut Undang-Undang Kecil 81 Koperasi ini.

Aturan ini telah dibentang dan diluluskan di dalam mesyuarat agung tahunan koperasi pada **18 November 2019**.

.....
**(Dato' Shamsun Baharin Bin
Mohd Jamil)**
Pengerusi

.....
**(Megat Nor Esham Bin Megat
Mohd Salleh)**
Setiausaha

.....
Siti Zakiah Binti Che Man)
Bendahari

ATURAN 4

**KOPERASI SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA BERHAD
D/A IBU PEJABAT SPRM
ARAS 7, BLOK C, NO.2, LEBUH WAWASAN, PRESINT 7, 62250
WILAYAH PERSEKUTUAN, PUTRAJAYA**

ATURAN UMUM KEDAI SERBANEKA

1. TAJUK

- (a) Aturan ini dinamakan **Aturan Umum Kedai Serbaneka**.
- (b) Aturan ini diwujudkan di bawah undang-undang kecil 9(3) Koperasi ini dan dikuatkuasakan selepas persetujuan Mesyuarat Agung Koperasi pada **18 November 2019** dan dikemukakan kepada Suruhanjaya.

2. TAFSIRAN

Dalam aturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain:

- (s) **“Koperasi”** atau **“Koperasi ini”** ertinya Koperasi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia Berhad (KOSPERA) yang didaftarkan di bawah Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).
- (t) **“Konsainan”** ertinya barangan milik pembekal untuk jualan yang diletakkan di Kedai Serbaneka.
- (u) **“Penyelia”** ertinya penyelia Kedai Serbaneka yang dilantik oleh Ahli Lembaga Koperasi.
- (v) **“Kakitangan”** ertinya pekerja yang dilantik oleh Penyelia.
- (w) **“Pengurus koperasi”** ertinya pegawai yang dilantik oleh Lembaga menurut undang-undang kecil 49(2).
- (x) **“Exco”** ertinya Ahli Lembaga Koperasi (ALK) yang dilantik untuk memantau aktiviti dan pengurusan keseluruhan Kedai Serbaneka.

3. TUJUAN

Tujuan aktiviti Kedai Serbaneka (selepas ini disebut **“aktiviti ini”**) ialah untuk;

- (a) Membekal barangan pengguna yang berkualiti untuk dijual kepada anggota dan bukan anggota mengikut harga yang berpatutan;
- (b) Menawarkan Anggota platform perniagaan dan jualan barangan; dan
- (c) Mengawal perjalanan aktiviti kedai serbaneka.

4. SUMBER KEWANGAN

- (c) Suatu peruntukan daripada modal Koperasi bolehlah dikhaskan bagi membiayai aktiviti ini yang mana hendaklah dikembangkan dari semasa ke semasa.
- (d) Lembaga boleh, apabila kekurangan modal, mendapatkannya:-
 - (iv) Dengan cara mengumpul syer dan yuran daripada Anggota menurut perenggan 50(b) dan (c) Akta;

- (v) Deposit atau simpanan khas atau pinjaman daripada Anggota menurut perenggan 50(d) dan (e) Akta; dan
- (vi) Melalui deposit atau pinjaman daripada bukan Anggota dengan kelulusan SKM menurut perenggan 50(e) Akta.

5. PENTADBIRAN DAN PEMANTAUAN

- (a) Aktiviti ini ditadbir oleh Jawatankuasa yang terdiri daripada exco yang dilantik oleh Lembaga di bawah Undang-Undang Kecil 49(2)(w).
- (b) Pengurus koperasi hendaklah bertanggungjawab kepada Jawatankuasa aktiviti ini bagi:-
 - (i) menyelia dan menentukan kecekapan dan kejujuran pekerja;
 - (ii) memastikan bil-bil diperiksa dan penerimaan barangan disahkan sebelum pembayaran dibuat;
 - (iii) memastikan harga jualan yang betul mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan;
 - (iv) menentukan semua rekod urusaniaga dan dokumen penting mengenai perniagaan disenggara dan disimpan dengan selamat dan dikemaskini pada setiap waktu;
 - (v) memastikan pengiraan stok sebenar dibuat pada setiap satu (1) bulan (hujung bulan);
 - (vi) memastikan rekod ambilan dikemaskini dan dilaporkan kepada bendahari setiap bulan; dan
 - (vii) Setiap ambilan yang dibuat oleh Kakitangan Kedai Serbaneka hendaklah direkod dan dihantar kepada pihak pengurusan selepas ambilan dilakukan setiap bulan; dan
 - (viii) memastikan kutipan jualan harian mengikut prosedur yang telah ditetapkan.

6. BELIAN

- (a) Semua belian hendaklah diuruskan oleh Pengurus dan Penyelia Koperasi. Barang yang dibeli hendaklah berkualiti dengan harga yang berpatutan. Harga belian itu hendaklah tidak menjejaskan kadar keuntungan jualan barangan tersebut.
- (b) Jika belian dibuat secara kredit, harga yang ditawarkan dan tempoh kredit perlu diteliti bagi melindungi kepentingan perniagaan Koperasi.
- (c) Penyelia hendaklah membuat pesanan barang-barang menggunakan Borang Pesanan. Pengurus Koperasi hendaklah mengesahkan borang tersebut sebelum pembelian dibuat.
- (d) Apabila barangan pesanan sampai ke koperasi, Penyelia hendaklah menentukan jumlah, kualiti dan nilai barangan yang diterima dengan:-
 - (i) memeriksa barangan itu;
 - (ii) meneliti Borang Pesanan Koperasi dan Invois atau Borang Hantaran barangan yang diterima dari Pembekal dan seterusnya membuat perbandingan dengan barangan yang diterima; dan
 - (iii) membandingkan harga dan kuantiti yang ditulis di dalam Invois atau bil dengan harga yang dipersetujui semasa membuat perundingan atau perjanjian dengan Pembekal.
- (e) Penyelia hendaklah merekodkan semua penerimaan barangan yang dibeli ke dalam pangkalan data.

7. PENERIMAAN SECARA KONSAINAN

- (a) Penyelia boleh menerima barangan dari pembekal atau Anggota secara konsainan untuk dijual, dengan syarat bahawa koperasi tidak akan bertanggungjawab di atas barangan yang tidak dijual.
- (b) Suatu perjanjian boleh dibuat di antara pembekal atau Anggota dengan koperasi bagi mengelakkan pertikaian di antara kedua belah pihak.
- (c) Penerimaan barangan melalui cara ini hendaklah direkodkan oleh penyelia di dalam buku stok konsainan.
- (d) Sejumlah komisyen atas jualan hendaklah diberikan kepada koperasi dengan jumlah yang dipersetujui antara konsainan dan koperasi.

8. HARGA JUALAN

- (a) Jawatankuasa bertanggungjawab untuk menentukan polisi harga.
- (b) Penyelia hendaklah mencadangkan harga jualan dengan mengambil kira kos belian, harga pasaran dan polisi harga.
- (c) Penetapan harga jualan hendaklah disahkan oleh jawatankuasa ini.
- (d) Semua jualan hendaklah dengan tunai kecuali Institusi yang dibenarkan seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia atau Agensi Kerajaan yang ditetapkan oleh Ahli Lembaga Koperasi.

9. PENTADBIRAN AKAUN

- (a) Semua jualan tunai harian hendaklah direkodkan dalam jurnal tunai harian.
- (b) Semua rekod jualan dan belian hendaklah dihantar ke pejabat Koperasi setiap bulan untuk tujuan seliaan.
- (c) Semua jualan tunai dan lain-lain penerimaan hendaklah dikeluarkan resit.
- (d) Pengurus atau Penyelia hendaklah memastikan semua terimaan wang harian sama ada secara wang tunai atau cek hendaklah dimasukkan ke dalam Bank dalam tempoh 24 jam dari tarikh penerimaan.

10. KAWALAN STOK

- (a) Jawatankuasa ini hendaklah sentiasa mengawasi keperluan barang-barang yang hendak dibeli bagi menentukan bahawa bekalan kepada anggota koperasi tidak terputus.
- (b) Penyelia hendaklah sering memeriksa stok untuk mengelakkan kesusutan, kehilangan, kerosakan (contoh: tamat tempoh guna) dan kemusnahan (contoh: serangan serangga atau binatang).
- (c) Jawatankuasa hendaklah mengendalikan pengiraan stok pada tarikh akhir setiap bulan atau mana-mana tempoh yang bersesuaian bagi menilai barangan yang ada di dalam stok.
- (d) Kehilangan, kerosakan dan kemusnahan barangan hendaklah disiasat dan dilaporkan oleh Jawatankuasa ini kepada Exco Lembaga untuk diambil tindakan.

11. PERANCANGAN PERNIAGAAN

- (a) Jawatankuasa aktiviti ini adalah bertanggungjawab membentangkan anggaran belanjawan aktiviti kepada Lembaga beserta unjuran jualan dan belian bagi tahun-tahun hadapan.

- (b) Pengerusi jawatankuasa aktiviti ini hendaklah membentangkan di dalam Mesyuarat Ahli Lembaga Koperasi berkenaan dengan laporan perniagaan bagi tiap-tiap bulan beserta dengan pandangan dan juga cadangannya.
- (c) Lembaga hendaklah menggunakan anggaran belanjawan yang disediakan itu bagi mengawal perjalanan perniagaan koperasi ini dengan membuat penyemakan melalui laporan perniagaan semasa yang dibentangkan di dalam mesyuarat dan membuat penilaian mengenainya.

12. PERTIKAIAN

Jika berbangkit sebarang perselisihan faham atas tafsiran aturan ini atau timbul apa-apa pertikaian mengenainya, maka pertikaian itu hendaklah dirujuk kepada Suruhanjaya menurut Undang-Undang Kecil 81 Koperasi ini.

Aturan ini telah dibentang dan diluluskan di dalam mesyuarat agung tahunan koperasi pada **18 November 2019**.

.....
**(Dato' Shamsun Baharin Bin
Mohd Jamil)**
Pengerusi

.....
**(Megat Nor Esham Bin Megat
Mohd Salleh)**
Setiausaha

.....
(Siti Zakiah Binti Che Man)
Bendahari

PINDAAN UNDANG-UNDANG KECIL (UUK)
KOPERASI SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA BERHAD (KOSPERA)

Bagi tujuan untuk meluaskan skop aktiviti KOSPERA, Ahli Lembaga ingin membentangkan pada Mesyuarat Agung Tahunan hari ini pindaan terhadap beberapa perkara di dalam UUK khusus untuk mempelbagaikan lagi skop aktiviti KOSPERA sedia ada seperti berikut:

BAHAGIAN III
MATLAMAT, FUNGSI DAN AKTIVITI

Fungsi

8. Fungsi Koperasi ini ialah kredit.

Aktiviti

9. (1) Bagi mencapai matlamat dan fungsi menurut undang-undang kecil 7 amnya dan 8 khasnya, Koperasi boleh, tertakluk kepada peruntukan Akta dan Peraturan-

- (a) menjalankan aktiviti berikut:
 - (i) **khidmat kredit dan pembiayaan;**
 - (ii) **mengendalikan perniagaan berbentuk kedai, kafe, pusat asuhan dan kemudahan sukan;**
 - (iii) **perniagaan berkaitan pelbagai bentuk barangan berkaitan kepenggunaan, kelengkapan dalam rumah, elektrik, kelengkapan pejabat, teknologi maklumat, alat perhubungan dan telekomunikasi; dan**
 - (iv) **menubuhkan dan menjalankan operasi perbankan, perkhidmatan kewangan, insurans, pajak gadai, pertanian, penternakan, pemborongan, pembinaan, peruncitan, perumahan, hartanah, perladangan, perikanan, pengangkutan, pelancongan, perhotelan, perindustrian, pelajaran, pendidikan serta bidang-bidang lain yang diluluskan oleh Mesyuarat Agung;**
 - (v) **perkhidmatan latihan dan konsultasi dalam pelbagai bidang;**
- (b) **menjalankan aktiviti kebajikan, khairat kematian, riadah dan sukan, dan pendidikan anggota;**
- (c) membeli, menjual, memindahkan hak milik, mendirikan, menyewa, mencagar, memajak, menggadai dan memiliki harta alih dan harta tak alih;
- (d) melaburkan wang berlebihan di dalam perkara yang dibenarkan menurut Seksyen 54 Akta;
- (e) mengadakan subsidiari menurut Seksyen 18 Akta dengan kelulusan Suruhanjaya;
- (f) **mewujudkan dan menyertai usahasama serta menjadi anggota kepada koperasi lain dalam dan luar negara; dan**
- (g) **mendaftarkan Koperasi di dalam E-Perolehan dengan Kementerian Kewangan Malaysia serta menjalankan pelbagai perniagaan berdasarkan kod bidang yang dibenarkan.**

PELANTIKAN AHLI LEMBAGA BARU

Mesyuarat Agung Tahunan pada hari ini diminta untuk memilih dan melantik seramai **5 ORANG** Ahli Lembaga bagi **tempoh setahun** mengikut UUK Koperasi ini.

Anggota Lembaga yang mengosongkan jawatan sebagaimana kehendak UUK;

- | | | |
|----|--|-------------------------|
| 1. | Tuan Lim Yong Seng | (Ahli Lembaga) |
| 2. | Tuan Muhammad Multazam Bin Mohd Shuhaini | (Ahli Lembaga) |
| 3. | Puan Nur Aida Binti Ariffin | (Ahli Lembaga) |
| 4. | Tuan Mohamad Zaki Bin Ibrahim | (Ahli Lembaga) |
| 5. | Puan Rozila Binti Abdullah @ Romli | (Penolong Setiausaha) |

Anggota yang dicalonkan;

No	Nama Cadangan	Pencadang	Penyokong	Undi

PELANTIKAN PANEL JURUAUDIT LUAR

Mesyuarat Agung Tahunan pada hari ini akan mempertimbangkan dan meluluskan Panel Juruaudit Luar berikut untuk dipilih oleh Ahli Lembaga bagi menjalankan tugas auditan KOSPERA bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019.

Cadangan

1. Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Wilayah Persekutuan)
2. Tetuan Ali Shah Hashim & Co.
3. Tetuan Syam & Co.
4. Tetuan Azman Ahmad & Co.

Juruaudit sekarang

Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Wilayah Persekutuan)

**PELANTIKAN JAWATANKUASA MENENTUSAHKAN DERAf MINIT
MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KOSPERA 2019**

Mesyuarat Agung Tahunan hari ini hendaklah memilih 4 ORANG Ahli Lembaga dan 6 ORANG Anggota Koperasi (yang hadir Mesyuarat Agung Tahunan hari ini) untuk menganggotai Jawatankuasa Menentusahkan Deraf Minit Mesyuarat Agung Tahunan.

Ahli Lembaga

1. Dato'/Tuan/Puan
2. Dato'/Tuan/Puan
3. Dato'/Tuan/Puan
4. Dato'/Tuan/Puan

Anggota Koperasi

1. Dato'/Tuan/Puan
2. Dato'/Tuan/Puan
3. Dato'/Tuan/Puan
4. Dato'/Tuan/Puan
5. Dato'/Tuan/Puan
6. Dato'/Tuan/Puan

ANGGARAN PERBELANJAAN TAHUNAN

KOPERASI SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA BERHAD ANGGARAN BELANJAWAN BAGI TAHUN 2020 DAN 2021

	Belanjawaan 2020 & 2021 RM
*PENDAPATAN	
<i>Pendapatan Dari Aktiviti</i>	
Kedai Serbaneka	60,000.00
	-
	60,000.00
<i>Pelbagai Pendapatan</i>	
Fi Masuk	4,000.00
Simpanan ahli	133,200.00
Dividen Dari Pelaburan	2,744.00
	139,944.00
Jumlah Pendapatan	199,944.00
*PERBELANJAAN	
<i>Perbelanjaan Am</i>	
Fi Audit	2,000.00
Susutnilai Aset Tetap	-
Elaun Anggota Lembaga (Elaun Mesyuarat)	7,500.00
	9,500.00
<i>Pelbagai Perbelanjaan</i>	
Gaji dan Elaun	36,000.00
KWSP dan Perkeso	5,000.00
Tuntutan Perjalanan ALK	10,000.00
Saraan Pentadbir	-
Elaun Kerja Luar	5,000.00
Faedah Pinjaman	-
Mesyuarat Agung	10,000.00
Mesyuarat Zon	-
Saman dan Penalti	-
Percetakan dan Alatulis	1,500.00
Telefon dan Fak	-
Cukai Tanah, Taksiran dan Pembentukan	-
Penyelenggaraan Pejabat	1,000.00
Elaun Juruaudit Dalaman (Elaun Khas)	2,100.00
Derma dan Sumbangan	2,000.00
Keraian	1,000.00
Eletrik dan Air	-
Perubatan	500.00
Fi Guaman	2,000.00
Yuran Pemerosesan/Lesen	500.00
Setem, Pos dan Kurier	1,200.00
Caj Bank	1,200.00
Pelbagai	3,000.00
Jumlah Pelbagai Perbelanjaan	82,000.00
Jumlah Perbelanjaan	91,500.00
Lebih Pendapatan Dari Perbelanjaan	RM 108,444.00
Peratus Lebih Pendapatan	54%

* Tertakluk kepada perubahan/bidang aktiviti perniagaan koperasi.

Nota: Peraturan 14 (2) Perbelanjaan koperasi berdaftar tidak boleh melebihi lima peratus daripada amaun yang diperuntukkan dalam belanjawan yang disediakan di bawah subperaturan (1) kecuali dengan kebenaran mesyuarat agung